

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY  
                                  JUSOH  
**KAWASAN** : SETIU  
**TARIKH** : 27 JULAI 2017  
**NO. SOALAN** : 61

**SOALAN**

**Tuan Che Mohamed Zulkifly Jusoh [Setiu]** meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci jumlah usahawan belia seluruh negara yang telah berjaya dilahirkan melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) sejak ianya ditubuhkan sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan generasi muda menceburi bidang perniagaan. Program ini yang mula dilaksanakan sejak tahun 2014 adalah bertujuan:

- i. memupuk dan menanam semangat keusahawanan di kalangan belia;
- ii. merubah paradigma belia daripada pekerja menjadi pemilik atau pengusaha perniagaan; dan
- iii. membentuk daya tahan dan jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Program TUBE melibatkan tiga (3) fasa pelaksanaan yang merangkumi latihan fizikal ala-*boot camp* dan latihan asas menjalankan operasi perniagaan selama 21 hari di kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ini diikuti oleh bimbingan dan pemantauan perniagaan melalui *Buddy System* selama 12 bulan di bawah fasa ketiga program.

Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Program TUBE telah mendapat kerjasama yang padu dan berterusan daripada 35 rakan strategik meliputi pelbagai kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, institusi perbankan, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta. Pelaksanaan program ini melibatkan peruntukan oleh Kerajaan sebanyak RM20 juta di bawah RMKe-10 dan sebanyak RM45 juta di bawah RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2016, sejumlah 1,436 orang peserta telah mengikuti program TUBE dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,425 orang (99%) telah mendaftarkan perniagaan. Sebanyak 5,291 peluang pekerjaan baharu telah berjaya diwujudkan melalui Program TUBE.

Bagi program TUBE 3.0 yang dilaksanakan pada tahun 2016, pemantauan melalui *Buddy System* oleh kaunselor perniagaan daripada SME Corp. Malaysia telah mula dilaksanakan bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2017.

Sekian, terima kasih.